

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 9.6.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan di zaman Tun Abdullah Badwi, Program JQAF (Jawi, Quran, Arab dan Fardu Ain) ada membuat cadangan sehingga ke Sekolah Menengah, adakah pihak Kementerian masih mempunyai rancangan untuk melaksanakan cadangan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjalankan program j-QAF bertujuan untuk memperkasakan pendidikan Islam dan penghayatannya dalam kalangan murid-murid Islam di sekolah rendah. Walaupun program J-QAF belum dilaksanakan di sekolah menengah, KPM akan terus melaksanakan program memperkasa Pendidikan Islam yang bersesuaian sebagai kesinambungan kepada Program j-QAF.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 9 JUN 2015  
[ SELASA ]  
DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK LIANG TECK MENG [ SIMPANG RENGAM ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah mekanisme yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan pengurusan sisa pepejal bagi negeri yang tertakluk di bawah Akta 672 boleh diaplikasikan dengan sebaiknya oleh pengguna mulai September ini. Adakah terdapat sebarang cadangan untuk mewajibkan penguatkuasaan Akta 672 oleh negeri yang pada masa ini tidak tertakluk kepada akta ini.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengasingan sisa pepejal di rumah secara mandatori akan bermula pada 1 September 2015 bermula di negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]. Langkah ini diambil setelah kawasan liputan penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah diambil alih sepenuhnya oleh syarikat konsesi pada September 2014 di mana sistem kutipan 2+1 yang mengkehendaki pengasingan sisa pepejal di rumah telah diperkenalkan. Melalui sistem kutipan 2+1, syarikat konsesi akan membuat kutipan sisa dapur sebanyak dua (2) kali seminggu manakala barangan kitar semula (seperti kertas, aluminium dan plastik) dan sisa pukal (seperti almari, tilam, meja dan sebagainya) serta sisa kebun akan dikutip sekali seminggu. Bagi sisa dapur, penghuni perlu memasukkan sisa tersebut ke dalam tong beroda yang dibekalkan oleh syarikat konsesi, manakala barangan kitar semula perlu dimasukkan ke dalam bekas yang berasingan dan diletakkan di luar / di tepi tong beroda

bersama-sama sisa pukal dan sisa kebun pada hari kutipan "+1" dijalankan.

Antara mekanisme yang diambil oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam memastikan pengurusan sisa pepejal bagi negeri yang tertakluk di bawah Akta 672 ialah dengan memberikan peringatan mesra dan amaran kepada pemilik premis melalui edaran surat peringatan atau notis pemberitahuan kesalahan yang akan dilaksanakan sehingga bulan Februari 2016. Bermula bulan Mac 2016, penguatkuasaan yang lebih menyeluruh akan diadakan dengan melibatkan denda penalti kepada pemilik premis yang gagal mengasingkan sisa hasil daripada pemantauan komposisi sampah di dalam tong sampah oleh penguatkuasa sebelum kutipan dijalankan, atau pun melalui makluman daripada syarikat konsesi.

Bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672, pihak Kementerian sangat menggalakkan mereka untuk turut serta melaksanakan program ini secara sukarela atau menggubal undang-undang negeri bagi mewajibkan pengasingan sisa di rumah ini di negeri

masing-masing. Usaha ini adalah penting untuk dilaksanakan oleh semua pihak agar sasaran negara untuk meningkatkan kadar kitar semula negara daripada 10.5% pada tahun 2012 kepada 22% menjelang tahun 2020 tercapai.

Negeri Pulau Pinang dan Selangor secara rasminya telah menyatakan tidak menerima penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) manakala Perak dan Kelantan secara dasarnya telah bersetuju untuk menerima pakai Akta 672. Kajian *due diligence* bagi mengenal pasti inventori yang terlibat untuk tujuan penswastaan di kedua-dua negeri tersebut telah pun siap dilaksanakan. Sementara itu Terengganu masih belum memberi sebarang maklum balas.

Kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah pun mengadakan beberapa siri taklimat dan *engagement* kepada semua kerajaan negeri tersebut bagi menjelaskan secara terperinci mengenai penguatkuasaan Akta 672 dan pelaksanaan penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Taklimat juga telah diadakan bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana

pelaksanaan penswastaan melibatkan pengambilalihan pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Secara dasarnya, penguatkuasaan Akta 672 dan penswastaan tersebut perlu mendapat persetujuan Kerajaan Negeri bagi melancarkan pelaksanaannya di kawasan PBT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini Akta 672 tidak terpakai di Sabah dan Sarawak.